

Headline	Snek pisang Hafiszuddin jadi tumpuan		
MediaTitle	Utusan Sarawak		
Date	19 Jul 2019	Color	Full Color
Section	EKONOMI	Circulation	37,981
Page No	23	Readership	113,943
Language	Malay	ArticleSize	529 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,711
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 8,133



Snek pisang Hafiszuddin jadi tumpuan

TUARAN: Snek pisang jenama Hafiszuddin tidak asing kepada penggemar makanan ringan keluaran tempatan yang sudah sembilan tahun berada di pasaran di negeri ini.

Mula beroperasi secara kecil-kecilan di rumah di Taman Sepanggar, Menggatal hampir enam tahun, kini

snek pisang pelbagai perisa itu berpindah lokasi pengeluaran di bangunan kedai, Lot 5, Jalan Mengkabong, di sini sejak tiga tahun lepas.

Syarikat Usaha Maju DH Enterprise milik Haryanto Satuan, 35, dan isterinya Hasrah Malik, 34, berasal dari Tawau itu wujud hasil bimbingan Lembaga

Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang turut memberikan peralatan pemprosesan makanan ringan itu.

Antara kemudahan lain disediakan FAMA untuk syarikat itu adalah latihan berterusan, bahan mentah, mesin pembungkusan dan papan tanda perniagaan.



PENGUSAHA snek yang juga pasangan suami isteri Hasrah Malik, 34, (kiri) dan Haryanto Satuan, 35, memeriksa bekalan snek pisang yang siap dibungkus untuk dipasarkan ke seluruh Sabah semalam. • Foto BERNAMA



PENGUSAHA snek yang juga pasangan suami isteri Hasrah Malik, 34, (kiri) dan Haryanto Satuan, 35, memperkenalkan empat perisa snek pisang keluaran syarikat mereka yang beroperasi di Tuaran semalam. • Foto BERNAMA

Haryanto selaku pengurus jualan dan pemasaran syarikat mengakui perniagaan snek pisang mempunyai cabaran tersendiri, memandangkan ramai usahawan di negeri ini menceburi bidang sama.

“Apa yang menyebabkan snek pisang jenama Hafiszuddin kekal mendapat perhatian di pasaran kerana perisa pelbagai iaitu manis, masin, kari, jagung, ayam, lada hitam, bbq, tomato, bawang putih dan telur masin, memberi pilihan kepada pelanggan.”

“Setakat ini, snek pisang ini boleh didapati di lebih 10 pasar raya di Sabah serta pusat pelancongan, dengan pendapatan kasar syarikat hasil jualan makanan ringan itu mencapai RM15,000 sebulan,” katanya kepada Bernama di sini.

Haryanto berkata syarikatnya menghasilkan lebih 200 kilogram snek pisang sehari, dilakukan lima tenaga kerja dalam kalangan penduduk tempatan.

Sehubungan itu, beliau berhasrat mengembangkan lagi perusahaannya itu, memandangkan

kan sambutan serta permintaan terhadap makanan ringan berkenaan meningkat dari semasa ke semasa.

Katanya walaupun perusahaannya itu turut menghadapi masalah putus bekalan pisang untuk dijadikan snek, namun masalah itu dianggap kecil dan masih berupaya ditangani dengan mendapatkan sokongan FAMA.

Haryanto berkata, snek pisang Hafiszuddin dalam proses mendapatkan pengiktirafan e-halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim). – BERNAMA